

BAB 15

BAYARAN PENDAHULUAN DAN PERAKUAN INTERIM

BAB 15 – BAYARAN PENDAHULUAN DAN PERAKUAN INTERIM

15.1 Pendahuluan

15.1.1 Bayaran Pendahuluan dan Bayaran Interim untuk dibayar kepada Kontraktor ada diperuntukkan di dalam Kontrak. Peruntukan untuk Bayaran Pendahuluan adalah menurut Peruntukan Khas Kepada Syarat-syarat Kontrak. Manakala Bayaran Interim kepada Kontraktor hendaklah dibuat menurut klausa 28 Syarat-syarat Kontrak P.W.D. Form 203/203A (Rev. 2007).

15.2 Bayaran Pendahuluan Untuk Kontrak Kerja¹

15.2.1 Bayaran Pendahuluan adalah untuk membantu Kontraktor membiayai kos operasinya dan mula digunakan semenjak tahun 1981. Satu peruntukan khas hendaklah dimasukkan ke dalam Dokumen Tender seperti di Bab 5, Lampiran 5D.

15.2.2 Bagi kontraktor utama, bayaran pendahuluan boleh diberi sehingga 25% daripada nilai kerja pembina (*builder's work*) atau maksimum RM10 juta mengikut mana yang lebih rendah.

15.2.3 Bagi Subkontraktor Dinamakan dan Pembekal Dinamakan, bayaran pendahuluan boleh diberi sehingga 20% daripada nilai kontrak Subkontraktor Dinamakan atau maksimum RM5 juta mengikut mana yang lebih rendah.

15.2.4 Bayaran Wang Pendahuluan boleh disediakan sekiranya terdapat permohonan daripada Kontraktor. Kontraktor berhak dibayar Wang Pendahuluan apabila syarat-syarat berikut dipatuhi:

(a) Surat Setuju Terima telah ditandatangani dan dikembalikan;

(b) Bon Pelaksanaan telah dikemukakan dan disahkan (tidak perlu sekiranya Kontraktor memilih Wang Jaminan Pelaksanaan);

¹ Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil . 5 Tahun 2007

(c) Polisi-polisi insurans seperti yang dinyatakan dalam syarat-syarat kontrak telah dikemukakan;

(d) Resit Bayaran Premium Insurans;

(e) Jaminan bagi bayaran pendahuluan telah dikemukakan dan disahkan;

(f) Nombor Pendaftaran PERKESO; dan

(g) Nombor Akaun Bank Kontraktor.

15.2.5 Kontraktor hendaklah mengemukakan permohonan berserta jaminan bagi bayaran pendahuluan dalam tempoh tiga bulan dari tarikh milik tapak.

15.2.6 Bayaran balik pendahuluan hendaklah dibuat melalui potongan ke atas bayaran interim yang kena dibayar kepada Kontraktor apabila nilai kerja mencapai 25% dan diselesaikan selewat-lewatnya setelah nilai kerja mencapai 75%.

15.2.7 Bayaran balik Bayaran Pendahuluan hendaklah dibuat dengan potongan ke atas Bayaran Interim mengikut peringkat kerja atau mengikut peringkat bekalan yang telah disempurnakan berdasarkan dua perkiraan berikut:

$$RMD = 200 \frac{A}{B} \text{ peratus daripada RM P}$$

Di mana,

RM D = Potongan kumulatif yang perlu dibuat dalam setiap Perakuan Interim

RM A = Amaun wang pendahuluan yang telah dibayar;

RM B = Nilai Kontrak Kerja Pembina

RM P = Nilai Kerja Pembina yang dilaksanakan (termasuk amaun bahan-bahan binaan di tapak) setelah mencapai 25% nilai RM B.

Atau;

$$RM D = \frac{2 \times RM AP}{RM CS - RM PC \& RM PS \times [RM WD - 0.25 (RM CS - RM PC \& RM PS)]}$$

Di mana,

RM D = Potongan kumulatif yang perlu dibuat dalam setiap Perakuan Interim

RM AP = Amaun wang pendahuluan yang telah dibayar;

RM WD = Nilai Kerja yang dilaksanakan termasuk 75% daripada nilai bahan dan barang-barang tak pasang yang diserahkan ke Tapak Bina

RM CS = Jumlah harga kontrak; dan

RM PC & RM PS = Jumlah Wang Kos Prima dan Wang Peruntukkan Sementara dalam Kontrak

15.2.8 Apabila wang Pendahuluan telah dibayar kepada kontraktor, P.P. hendaklah memastikan potongan bagi bayaran pendahuluan dapat dibayar balik sepenuhnya apabila nilai kerja telah mencapai 75% daripada nilai kerja.

15.2.9 Tempoh sah laku Jaminan tersebut untuk Bayaran Pendahuluan bagi kontrak mestilah meliputi tempoh kontrak atau ke satu tempoh lanjutan yang diluluskan dan akan dilepaskan apabila segala potongan selesai dibuat mengikut mana yang terdahulu.

15.2.10 P.P. hendaklah hanya menerima format Jaminan Bank/Jaminan Syarikat Kewangan/Jaminan Insurans/Jaminan Bank Islam/Jaminan Takaful seperti di (rujuk bab 5 - Lampiran 5D), manakala bagi Kontraktor Bekalan/Perkhidmatan/Kerja dan seperti di Lampiran 15A bagi Subkontraktor Dinamakan.

15.2.11 P.P. adalah dinasihatkan supaya berhati-hati dan mengawasi kemajuan pelaksanaan sesuatu kontrak untuk menentukan sekiranya pihak kontraktor gagal, Bayaran Pendahuluan yang belum dibayar balik hendaklah dituntut daripada bank/syarikat kewangan/syarikat insurans/syarikat takaful yang mengeluarkan Jaminan tersebut yang telah dikemukakan oleh kontraktor dalam tempoh sah lakunya.

- 15.2.12 Apabila wang pendahuluan yang telah dibayar balik sepenuhnya kepada Kerajaan, maka tanggungan pihak Bank, Insurans atau Syarikat Kewangan yang menjadi penjamin dikurangkan secara automatik mengikut amaun wang pendahuluan yang telah dibayar balik. Sehubungan itu, tanggungan penjamin hendaklah dilepaskan oleh Kerajaan sebaik sahaja wang telah dibayar balik sepenuhnya.
- 15.2.13 Tempoh tanggungan jaminan adalah meliputi tempoh kontrak (termasuk Lanjutan Masa yang diluluskan) dan boleh dilanjutkan tidak melebihi tiga (3) bulan. Sekiranya baki wang pendahuluan belum didapatkan kembali, ia perlu dituntut daripada penjamin di dalam tempoh sah jaminan tersebut.
- 15.2.14 Bagi Bayaran pendahuluan kepada Subkontraktor Dinamakan, prosedur di atas hendaklah dipatuhi. Peruntukan Khas kepada Syarat-syarat Kontrak hendaklah juga dimasukkan dalam dokumen subkontrak berkenaan. Subkontraktor Dinamakan hendaklah memberi Surat Jaminan Tanggung Rugi kepada kontraktor utama dan Kerajaan bagi membolehkan potongan bayaran balik dibuat melalui Perakuan Bayaran Interim.

15.3 Perakuan Bayaran Interim

- 15.3.1 Perakuan Bayaran Interim hendaklah dibuat menurut klausa 28 peruntukan Syarat-syarat Kontrak P.W.D. FORM 203/203A (Rev. 2007).
- 15.3.2 Bagi membuat Bayaran Interim, perakuan perlu dibuat menggunakan Borang JKR 66 yang terkini termasuk Lampiran A yang merangkumi perakuan untuk bayaran kepada Subkontraktor Dinamakan, Pembekal Dinamakan, Penerima Hak dan Pegawai Penyelia JKR yang diluluskan.
- 15.3.3 Langkah-langkah yang perlu dilaksanakan sebelum Perakuan Bayaran Interim dikeluarkan;
- (a) Menetapkan satu tarikh yang dipersetujui oleh kedua pihak untuk membuat penilaian dan dimaklumkan kepada semua yang terlibat.

- (b) Penilaian Interim yang pertama mestilah dibuat tidak lewat dari satu bulan dari tarikh milik tapak bina.
- (c) Cara penilaian yang akan dilaksanakan hendaklah menurut peruntukan kontrak dan wajar diterangkan kepada Kontraktor bagi mengelakkan pertikaian dan dijadikan asas untuk penilaian bayaran interim.
- (d) Kaedah penilaian bagi "Kerja Awalan" atau "Perkara-perkara Am" boleh dibuat seperti berikut;
 - (i) Bayaran permulaan / *initial payment*
 - (ii) Bayaran kemajuan / *recurring payment* (berdasarkan tempoh masa atau kemajuan kerja)
 - (iii) Bayaran selepas kerja siap / *final payment*
- (e) Nilai Kerja Pembina (*Builder's Work*) yang dilaksanakan oleh kontraktor perlu dinilai berdasarkan kemajuan kerja di tapak oleh Wakil P.P..
- (f) Semua penilaian kerja-kerja pakar yang dibuat oleh Wakil P.P. (Pakar) hendaklah sampai kepada Wakil P.P. (Utama)/ Wakil P.P. (Ukur Bahan) pada/sebelum tarikh penilaian interim yang telah dipersetujui.
- (g) Hanya kerja-kerja yang telah dilaksanakan dengan sempurna menurut peruntukan Kontrak dimasukkan ke dalam Penilaian Perakuan Bayaran Interim.
- (h) Penilaian kepada Bahan/ Barang-Barang Takpasang
 - (i) Kontraktor Utama

Selaras dengan Syarat-syarat Kontrak, nilai bahan atau barang-barang takpasang yang boleh diambilkira dalam penilaian adalah sehingga 90% tertakluk kepada syarat-syarat berikut;

 - (1) Diberi perlindungan yang cukup daripada kerosakan

- (2) Tidak diserahkan terlalu awal ke tapak bina
- (3) Tidak merangkumi kerja-kerja sementara seperti kerja acuan (*formwork*)
- (4) Harga bahan atau barang-barang takpasang berdasarkan harga pasaran semasa dan tidak melebihi kadar Harga Kontrak.

(ii) Subkontraktor

Bagi bahan-bahan yang dibekalkan oleh Subkontraktor Dinamakan, peratus bayaran adalah menurut peruntukan Syarat-syarat Kontrak Utama. Nilai bahan/barang-barang tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Perakuan Bayaran Interim.

- (i) Penilaian Bayaran Interim hendaklah mengambilkira kerja-kerja perubahan yang dilaksanakan oleh kontraktor dengan syarat kelulusan ke atas perubahan kerja tambahan (KPK) telah diperolehi daripada Jawatankuasa Perubahan Kerja.
- (j) Pelarasan Harga Kontrak bagi perubahan turun naik harga (V.O.P) bahan-bahan binaan hendaklah diambilkira dalam bayaran interim. Cara pelarasan tersebut dibuat mengikut peruntukan dalam Kontrak.
- (k) Bagi bahan atau barang-barang yang dibekalkan oleh Penerima hak, nilai bahan-bahan atau barang-barang yang dibekalkan mestilah dicatatkan secara berasingan di dalam Perakuan Interim dengan menggunakan Lampiran A kepada Borang JKR66. Arahan-arahan hantaran (*delivery order*) dan inbois barang-barang daripada Pemegang Serahak mestilah sampai kepada P.P. atau Wakilnya dalam tempoh tiga (3) hari sebelum tarikh penilaian dibuat. Borang JKR66 adalah seperti di Lampiran 15B.
- (l) Kontraktor Utama hendaklah mengesyorkan kepada P.P. jumlah yang perlu dibayar kepada Penerima hak dengan syarat ianya tidak melebihi jumlah yang dipesan melalui borang permohonan Kontraktor. Borang adalah seperti di Lampiran 15C, 15D, 15E, 15F dan 15G iaitu contoh Surat Ikatan Penyerahakan, Persetujuan Kerajaan Kepada Surat Ikatan Penyerahakan, Borang Permohonan Kontraktor untuk Mendapatkan

Bahan Binaan Bagi Kegunaan Projek-Projek Kerajaan, borang Arahan Hantaran Tempatan (D.O.) dan borang Inbois Jualan.²

(m) Bayaran terus kepada beberapa Subkontraktor/Pembekal Pakar dibenarkan apabila Perjanjian Penyerahan Hak dengan Kontraktor di meterai dan setelah Kerajaan memberi persetujuan kepada permohonan kontraktor berhubung dengan penyerahan hak tersebut. Borang-borang yang hendak digunakan adalah seperti di Lampiran 15H dan 15J³.

(n) Jika bayaran disyorkan tidak mencukupi untuk membayar Sub-kontraktor dan Pembekal Dinamakan, Pemegang Serah Hak dan Kontraktor, bayaran mestilah diagihkan dengan merujuk kepada Kontraktor Utama untuk mendapatkan persetujuan pengagihan tersebut.

15.3.4 Mengikut Kehendak Kontrak, penilaian interim perlu dibuat sekurang-kurangnya sekali sebulan (atau lebih kerap atas persetujuan P.P.). Nilai minimum bagi bayaran interim pertama dan bayaran interim seterusnya hendaklah ditetapkan pada nilai RM1,000 bagi semua projek⁴. Nilai tersebut meliputi Nilai Kerja yang dilaksanakan dan 90% daripada-nilai bahan atau barang-barang takpasang dan bagi bahan atau barang-barang takpasang mekanikal dan elektrik di antara 75% hingga 90% mengikut budibicara P.P.⁵.

15.3.5 Apabila syarat nilai minimum dipenuhi, Perakuan Interim pertama boleh dikeluarkan dan bayaran dibuat walaupun Dokumen Kontrak masih lagi belum ditandatangani. Walau bagaimanapun, untuk membolehkan bayaran tersebut dibuat, beberapa syarat mestilah dipenuhi iaitu :⁶

(a) Kontraktor mestilah telah mengembalikan Surat Setujuterima Tender yang ditandatangani dan disaksikan, menyerahkan Bon Pelaksanaan (sekiranya berkaitan) dan segala Polisi Insurans yang wajib.

(b) Perakuan Interim dan baucar bayaran mesti disertakan bersama salinan dokumen berikut yang diakui sah:

² Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 15/89 bertarikh 4.12.89

³ Surat Arahan KPKR bil(8) KPKR.020.050/03 Klt.5 bertarikh 4.1.2002 serta bil. 4/2008 bertarikh 1.8.2008 dan SPP Bil. 4/2003

⁴ Surat Arahan KPKR Bil. (28) dlm. KPKR.020.050/03 klt.4 bertarikh 15 Oktober 2001

⁵ Surat Arahan KPKR Bil. 2/1996 bertarikh 19 Ogos 1996

⁶ Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 13 tahun 1985 bertarikh 6.8.85

- i) Surat Setujuterima Tender
- ii) Bon Pelaksanaan (sekiranya berkaitan)
- iii) Polisi Insurans (Nota liputan boleh diterima dengan syarat dikemukakan resit bayaran premium).
- iv) No pendaftaran PERKESO

15.3.6 Perakuan Interim mestilah dikeluarkan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penilaian. Pembayaran ke atas interim tersebut hendaklah dibayar dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Perakuan Interim dikeluarkan selaras dengan Syarat-syarat Kontrak.

15.3.7 Setelah Perakuan Interim ditandatangani, ianya mestilah dikemukakan bersama baucar bayaran kepada Akauntan Perbendaharaan atau pihak pembayar yang lain untuk membolehkan pembayaran dibuat. Pada masa yang sama, satu salinan Perakuan Bayaran Interim perlu dihantar kepada Kontraktor dan salinan-salinannya diedarkan kepada pihak lain yang terlibat. Bayaran kepada Kontraktor perlu dibuat tidak melebihi tempoh yang telah ditetapkan dalam klausa 28.6 Syarat-syarat Kontrak.

15.3.8 Semua pejabat yang bertanggungjawab bagi mengendalikan bayaran interim projek-projek dikehendaki menyediakan satu carta aliran Kerja penyediaan bayaran interim dengan menggunakan contoh format seperti di Lampiran 15K.

**BORANG JAMINAN BANK/JAMINAN SYARIKAT KEWANGAN/
JAMINAN INSURANS UNTUK BAYARAN PENDAHULUAN
(SUB KONTRAKTOR DINAMAKAN)**

Sebagai balasan Kerajaan Malaysia (kemudian daripada ini disebut sebagai "Kerajaan") bersetuju membuat bayaran pendahuluan bagi pihak Kontraktor Utama iaitu (kemudian daripada ini disebutkan sebagai "Kontraktor") selaras dengan terma dan syarat-syarat sub kontrak yang dibuat tawaran oleh (kemudian daripada ini disebut sebagai "Sub Kontraktor Dinamakan") bertarikh dan persetujuan daripada itu melalui Surat Setuju Terima oleh Kontraktor bil. bertarikh dan tertaluk kepada apa-apa terma dan syarat baru (jika ada), dibuat oleh Kerajaan dan Kontraktor dan diterima oleh Sub Kontraktor Dinamakan pada dengan syarat jika sub kontrak rasmi disediakan berikutnya, selaras dengan terma-terma dan syarat sub kontrak rasmi tersebut, untuk (sebutkan nama perolehan) (kemudian daripada ini disebut "Belkalan"/"Perkhidmatan"/"Kerja") kami, yang bertandatangan di bawah ini, atas permintaan Sub Kontraktor Dinamakan, mengaku janji (iaitu aku janji yang tak boleh batal) satu Jaminan kepada Kerajaan bahawa:

1. Kami hendaklah membayar kepada Kerajaan tanpa faedah, jumlah wang sebanyak Ringgit (RM) sebagai wang pendahuluan seperti yang tersebut di atas atau sebahagian daripada itu yang belum lagi didapatkan kembali oleh Kerajaan selaras dengan perenggan 3 atau 4 yang berkenaan dan jumlah harga itu hendaklah dibayar apabila sahaja Kerajaan membuat tuntutan tanpa mengira apa-apa tentangan atau bantahan daripada Sub Kontraktor Dinamakan atau daripada kami atau daripada mana-mana pihak ketiga yang lain. Sekiranya dalam apa-apa keadaan kami melengah-lengahkan membuat pembayaran dan seumpamanya setelah menerima tuntutan daripada Kerajaan, maka pihak Kerajaan berhak menuntut dan berhak dibayar apa-apa kos tambahan sebagai ganti rugi akibat keengganan kami mematuhi syarat-syarat Jaminan ini.
2. Apa-apa konsesi dan/atau tolak ansur yang diberi oleh Kerajaan kepada Kontraktor Utama dan/atau Sub Kontraktor Dinamakan atau apa-apa persetujuan antara Kerajaan dengan Kontraktor dan/atau Sub Kontraktor Dinamakan atau apa-apa pengelangan/penahanan yang dibuat oleh Kerajaan kepada Kontraktor dan/atau Sub Kontraktor Dinamakan sama ada berkenaan dengan bayaran, tempoh, prestasi atau selainnya tidak

akan melepaskan kami daripada jaminan ini tetapi kami adalah berhak untuk diberitahu akan persetujuan atau perubahan tersebut.

3. Tertakluk kepada perenggan 4, tanggungjawab kami untuk membayar jumlah yang tersebut sebanyak RM hendaklah secara automatik dikurangkan daripada amaun atau amaun-amaun pembayaran yang dibuat oleh kami kepada Kerajaan berhubung dengan Jaminan ini.
4. Jumlah wang tersebut yang dijamin oleh kami untuk dibayar kepada Kerajaan hendaklah dikurangkan secara automatik mengikut kadar potongan yang dibuat oleh Kerajaan daripada bayaran kemajuan yang layak dibayar kepada Sub Kontraktor Dinamakan sebagai pembayaran balik wang pendahuluan yang telah dibuat. Jaminan ini terbatal dan hendaklah dikembalikan dengan serta-merta setelah kesemua wang pendahuluan dijelaskan melalui potongan daripada bayaran kemajuan yang layak dibayar kepada Sub Kontraktor Dinamakan, atau selepas semua bekalan telah dihantar/perkhidmatan telah disiapkan/kerja telah dilaksanakan dengan memuaskan oleh Sub Kontraktor Dinamakan kepada Kontraktor selaras dengan tema dan syarat-syarat sub kontrak mengikut mana yang terdahulu.
5. Jaminan ini adalah Jaminan yang berterusan dan tak boleh batal dan hendaklah berkuat kuasa sehingga (kemudian daripada ini disebut sebagai "Tarikh Mati Asal") iaitu meliputi tempoh kontrak. Penjamin hendaklah melanjutkan Tarikh Luput Asal Jaminan ini untuk tempoh tambahan selama tiga (3) bulan daripada Tarikh Mati Asal (kemudian daripada ini disebut sebagai "Tarikh Mati Lanjutan") apabila diminta oleh Kerajaan dan Jaminan ini adalah dengan ini dilanjutkan.

Diturunkan tandatangan kami pada hari ini untuk dan bagi pihak Penjamin di atas.

Nama :
Jawatan :

Cop Bank/Syarikat Kewangan/Syarikat Insurans:

Di hadapan :
Nama :
Jawatan :

JKR.66 (Pin.3/1999)

**KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN KERJA RAYA
PERAKUAN BAYARAN INTERIM NO:**

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN: MAKSUD: BUTIRAN:

TAJUK KERJA :

NAMA DAN ALAMAT KONTRAKTOR:

NO. KONTRAK :

HARGA ASAL KONTRAK : RM

JUMLAH BERSIH TAMBAHAN/POTONGAN RM

HARGA BARU KONTRAK: RM

A. BUTIR-BUTIR BAYARAN DAN POTONGAN

1. **TARIKH PENILAIAN :**
2. **NILAI KERJA DILAKSANAKAN DAN AMAUN-AMAUN LAIN YANG KENA DIBAYAR* RM**
3. **KURANGKAN Bayaran Interim yang terdahulu No.** RM
4. **NILAI BERSIH KERJA SEMASA** RM
5. **POTONGAN**
 - a. Bayaran balik Wang Pendahuluan
 - i) Amaun terdahulu RM -
 - ii) Amaun semasa RM -
 - iii) Amaun terkumpul RM -
 - b. Akaun Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan (amaun terdahulu) RM
 - c. Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan @ RM
 - d. Potongan lain jika ada RM
 - Jumlah Potongan** RM
- BAYARAN DISYORKAN** RM

(Pegawai Pengesyor)

B BAYARAN DIPERAKUKAN

1. Bayaran Interim
 - a) Kepada Kontraktor Utama RM
 - b) Kepada Subkontraktor/Penerima Bayaran RM
 - (seperti di LAMPIRAN A) **Jumlah Bayaran Interim** RM
2. Kredit Akaun Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan (10% dari Bayaran Disyorkan sehingga 5% harga kontrak) RM
- BAYARAN DIPERAKUKAN** RM

Adalah disahkan bahawa semua peraturan kewangan dan kehendak di bawah Kontrak telah dipatuhi.

Tarikh:

(Pegawai Penguasa)

CATATAN OLEH PEGAWAI YANG MENYEDIA BAUCER

Jumlah amaun yang dibayar dibawah Perakuan ini ialah RM

(Sesalinan Perakuan hendaklah dikembalikan kepada Pegawai Pengesyor).

- * Termasuk Barang Tak Pasang, Pelarasan Turun Naik Harga, Tuntutan Bayaran Tambahan yang diluluskan.

LAMPIRAN 16B (samb)

LAMPIRAN A
JKR.06 (Pin.3/1999)

PERAKUAN BAYARAN INTERIM NO.:

Amaun-amaun yang kena dibayar kepada Subkontraktor/Pembekal Dinamakan, Penerima Hak dan Pegawai Penyelia di Tapakbina.

Ruj.	Penerima Bayaran	Jenis Kerja atau Bulan	Jumlah Harga	Jumlah Bayaran Terdahulu	Amaun yang diperakukan
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)
A.	<u>Subkontraktor Dinamakan</u>				
	i)				
	ii)				
	iii)				
	iv)				
	v)				
	vi)				
	vii)				
	viii)				
	ix)				
	x)				
	Jumlah Kecil:				
B.	<u>Pembekal Dinamakan</u>				
	i)				
	ii)				
	iii)				
	Jumlah Kecil:				
C.	<u>Penerima Hak</u>				
	Jumlah Kecil:				
D.	<u>Pegawai Penyelia</u>				
	i)				
	ii)				
	iii)				
	Jumlah Kecil:				

(Pegawai Pengesyor)

Nota:

- (2) Isikan nama subkontraktor/penerima bayaran yang berkenaan
- (3) Nyatakan jenis kerja subkontrak atau bekalan atau bulan yang berkenaan bagi kategori pegawai penyelia. Tidak berkenaan bagi penerima hak.
- (4) Isikan jumlah harga subkontrak/jumlah yang diserahkan. Tidak berkenaan untuk kategori pegawai penyelia.

Muka 2/2

SURAT IKATAN PENYERAHAN
(UNTUK BEKALAN BAHAN-BAHAN BINAAN)

SURAT IKATAN PENYERAHAN ini dibuat pada di antara suatu Syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai Pejabat Berdaftarnya di (kemudian dari ini disebut 'Penyerahak' sebagai satu pihak dan yang mempunyai pejabat berdaftarnya beralamat di (kemudian dari ini disebut 'Pemegang Serahak') sebagai pihak yang satu lagi.

Bahawasanya:-

1. Penyerahak telah diberi oleh Kerajaan Malaysia (kemudian dari ini disebut "Kerajaan") satu kontrak bernombor (kemudian dari ini disebut "kerja-kerja) bernilai (RM) (kemudian dari ini disebut "Harga Kontrak").
2. Harga kontrak, dengan atau tanpa pelarasan sebagaimana dinyatakan di dalam syarat-syarat kontrak, akan dibayar oleh Kerajaan kepada Penyerahak tertakluk kepada Penyerahak melaksanakan obligasinya dengan memuaskan seperti dinyatakan.
3. Tertakluk kepada terma dan syarat-syarat kontrak, jumlah sebanyak Ringgit: (RM) atau apa-apa juga jumlah seperti yang diperuntukkan dalam terma dan syarat-syarat kontrak iaitu jumlah wang untuk wang kos prima (prime cpst sum) dan wang peruntukan sementara (provisional sum) untuk kerja-kerja yang akan dilaksanakan oleh sub-kontraktor dinamakan (nominated sub-kontraktor) dan bahan-bahan atau barang yang akan dibekalkan oleh pembekal dinamakan (nominated suppliers) hendaklah dibayar terus oleh Kerajaan kepada sub-kontraktor dinamakan dan pembekal dinamakan.
4. Sebagai balasan kepada Pemegang Serahak atas bahan-bahan yang dibekalkan atau akan dibekalkan. Tertakluk kepada persetujuan bertulis oleh Kerajaan atau wakil yang diberikuasa, Penyerahak bersetuju menyerahkan kepada Pemegang Serahak bayaran yang telah genap masa dan kena dibayar kepada Penyerahak di bawah kontrak ini.

5. Penyerah berhasrat untuk membeli dan Pemegang Serahak telah bersetuju membekalkan bahan-bahan binaan iaitu (selepas ini disebut "Bahan-bahan") untuk kegunaan Penyerahak dalam melaksanakan kontrak ini.
6. Penyerahak berhasrat menyerahkan kepada Pemegang Serahak wang yang telah genap masa dan kena dibayar kepada Penyerahak di bawah kontrak ini sebagai bayaran kepada bahan-bahan yang dibeli dan diterima oleh Penyerahak.

MAKA SURAT IKATAN INI MENYAKSIKAN seperti berikut:-

1. Terma Surat Ikatan Penyerahakan ini adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan dalam memberikan kebenaran mengenai penyerahakan ini.
2. Sebagai balasan kepada Pemegang Serahak kerana membekalkan dan/atau bersetuju untuk membekalkan Bahan-bahan kepada Penyerahak dari semasa ke semasa, Penyerahak dengan ini menyerahkan sepenuhnya kepada Pemegang Serahak wang yang selepas ini genap masa dan kena dibayar kepada Penyerahak di bawah kontrak ini tertakluk kepada nilai bahan-bahan yang dibekalkan dan diterima oleh Penyerahak.
3. Penyerahakan ini tidak boleh dibatalkan dan adalah berkuatkuasa selagi masih ada wang yang kena dibayar dan belum dibayar oleh Kerajaan kepada Penyerahak di bawah kontrak ini.
4. Untuk tujuan penyerahakan ini, wang yang genap masa dan kena dibayar kepada Penyerahak di bawah kontrak ini adalah tidak termasuk jumlah wang yang kena dibayar kepada sub-kontraktor dinamakan dan pembekal dinamakan di mana mengikut terma dan syarat-syarat kontrak hendaklah dibayar terus oleh Kerajaan kepada sub-kontraktor dinamakan dan pembekal dinamakan.
5. Pemegang Serahak hendaklah dibayar nilai bahan-bahan yang dibekalkan daripada wang yang genap masa dan kena dibayar kepada Penyerahak melalui potongan bayaran interim dan bayaran terakhir yang dibuat tertakluk kepada terma dan syarat-syarat kontrak.
6. Jumlah yang kena dibayar kepada Pemegang Serahak hendaklah dibuat berdasarkan dan Arahan Hantaran yang disahkan penerimaannya oleh Penyerahak atau wakilnya dan dikemukakan bersekali dengan invoice oleh Pemegang Serahak kepada pegawai penguasa yang dinamakan didalam kontrak atau wakilnya tidal lewat daripada tiga (3) hari sebelum tarikh penilaian bayaran interim dibuat.

7. Jika sekiranya jumlah wang yang genap masa dan kena dibayar kepada Penyerahak didalam Penyerahak didalam bayaran interim tidak mencukupi untuk membayar Pemegang Serahak atas bahan-bahan yang dibekalkan, maka bakinya hendaklah dibayar kepada Pemegang Serahak dalam bayaran interim yang berikutnya.
8. Sekiranya semasa bayaran terakhir jumlah wang yang diterima oleh Pemegang Serahak adalah kurang atau tidak mencukupi berbanding dengan bahan-bahan yang dibekalkan, nilai bahan-bahan yang belum dibayar adalah merupakan hutang yang bertanggung ke atas Penyerahak atas bahan-bahan yang dibekalkan oleh Pemegang Serahak.
9. Penyerahak hendaklah memastikan pihak Kerajaan membuat bayaran kepada Pemegang Serahak wang yang sepatutnya genap masa dan kena dibayar kepada Penyerahak atas bahan-bahan yang dibekalkan oleh Pemegang Serahak.
10. Penyerahak dan Pemegang Serahak hendaklah terlebih dahulu memberitahu dan mendapatkan persetujuan Kerajaan sebelum melaksanakan Ikatan Serahakan ini dengan mengemukakan kepada Kerajaan atau wakil yang diberikuasa sesalinan Surat Ikatan Penyerahakan ini yang bermetri.
11. Segala kos dan bayaran sampingan yang timbul dalam urusan penyerahakan ini dan Duti Setem hendaklah ditanggung oleh Penyerahak.
12. Suratikatan Penyerahak ini adalah mengikat wasi-wasi, pentadbir, waris-waris, Penerima Serahak dan pengganti-pengganti pihak kepada Surat Ikatan Penyerahakan ini.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS, pihak-pihak kepada Surat Ikatan ini telah menurunkan tandatangan dan mohor mereka pada hari dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

DITANDATANGANI oleh

Nama :
Jawatan :

(T/T Penyerahak)

DITANDATANGANI untuk dan bagi pihak

(Cop Rasmi Penyerah Hak)

Disaksikan Oleh

Nama :
No. Kad Pengenalan :
Alamat :

(T/T Saksi)

DITANDATANGANI oleh

Nama :
Jawatan :

(Tandatangan
Pemegang Penyerahak)

DITANDATANGANI untuk dan bagi pihak

(Mohor dan Cop Rasmi Penyerah Hak)

Nama :
No. Kad Pengenalan :
Alamat :

(T/T Saksi)

KERAJAAN MALAYSIA

RUJUKAN : (NAMA DAN ALAMAT KEMENTERIAN/
JABATAN :

KEPADA : (PENYERAHAK)

TARIKH :

NO. KONTRAK :

KERJA :

PERSETUJUAN KERAJAAN KEPADA SURAT IKATAN

PENYERAHAKAN

Saya merujuk kepada surat tuan bertarikh
Memohon persetujuan Kerajaan kepada cadangan untuk menyerahak sebahagian daripada
bayaran untuk kontrak di atas kepada
(Pemegang Serahak).

Di sini adalah persetujuan Kerajaan berkenaan dengan penyerahakan tersebut seperti yang terkandung dalam Surat Ikatan Penyerahakan (Borang Piawai Lampiran B Surat Pekeliling Perbendaharaan mengenai skim Bekalan Bahan-bahan Binaan) tertakluk kepada syarat-syarat berikut :-

- (a) Apa-apa kewajipan yang dikenakan ke atas Kerajaan melalui surat ikatan penyerahakan tidaklah dengan apa jua cara memudaratkan atau menjejaskan apa-apa hak Kerajaan atau kuasa pegawai penguasa di bawah terma-terma dan syarat-syarat kontrak, termasuk perkara-perkara berhubung dengan pembayaran terus kepada sub-kontraktor dinamakan (nominated sub-contractor) dan pembekal dinamakan (nominated suppliers) dan potongan daripada apa-apa jua wang yang kena dibayar kepada tuan di bawah kontrak.
- (b) Apa-apa pembayaran yang dibuat kepada Pemegang Serahak oleh Kerajaan hendaklah dianggap sebagai pembayaran itu dibuat kepada tuan di bawah terma-terma dan syarat kontrak tersebut dan adalah satu penyelesaian yang cukup dan sah bagi tanggungan Kerajaan terhadap pembayaran di bawah kontrak tersebut.
- (c) Sebarang syarat termasuk syarat-syarat mengenai pembayaran faedah atas kelewatan bayaran yang dikenakan oleh Pemegang Serahan kepada tuan tidak boleh dipertanggungjawabkan kepada Kerajaan di bawah ikatan penyerahakan ini.
- (d) Tuan adalah bertanggungjawab untuk membayar pampasan kepada Kerajaan atas sebarang kerosakan, perbelanjaan sampingan, liability, kerugian atau seumpamanya yang ditanggung oleh Pemegang Serahak akibat daripada penyerahakan ini.

- (e) Sila akui penerimaan surat ini dan sahkan setujuterima oleh tuan dan Pemegang Serahak akan terma-terma tersebut di atas dengan menandatangani surat ini dan kembalikannya kepada saya.

Yang benar,

.....

Jabatan :

.....

.....

Kami mengaku dan mengesahkan persetujuan kami akan terma-terma yang dikenakan ke atas surat ikatan penyerahakan ini.

.....

T/T Penyerahak
(Pemborong)

.....

T/T Pemegang Serahak
(Pembekal)

KEPADA :

.....

.....

.....

.....

.....

MD/fi

**PERMOHONAN DARIPADA PEMBORONG UNTUK
MENDAPATKAN BAHAN BINAAN BAGI KEGUNAAN
PROJEK-PROJEK KERAJAAN**

1. PERIHAL PEMBORONG

- (a) (i) Nama Syarikat/Pemborong :
- (ii) Alamat :
- (iii) Telefon :
- (b) Kelas Pendaftaran Pemborong dengan JKR :

2. PERIHAL PROJEK

- (a) (i) Nama Projek :
- (ii) Kontrak No. :
- (iii) Nilai Tawaran :
- (iv) Tarikh Tawaran diberi :
- (v) Tarikh Projek itu dijangka siap :
- (b) Jumlah bahan-bahan binaan yang diperlukan adalah seperti berikut:-

	Bahan	Jumlah yang diperlukan (Qty)
(i)		
(ii)		
(iii)		
(iv)		
(v)		
(vi)		
(vii)		

*Sekiranya Lampiran digunakan ianya mestilah disahkan.

(c) Untuk diserahkan kepada tapak projek seperti berikut:-

.....
.....
.....

3. **PERAKUAN PEMBORONG**

Saya mengaku butir-butir yang diberi ini adalah benar.

Tarikh : Tandatangan
Pemborong :

Perakuan Daripada Pegawai Penguasa Atau Wakil Yang Dilantik

Segala kenyataan yang diberi di atas adalah benar.

Tandatangan :
Jawatan :
Tarikh :

Nota

1. Tiga (3) salinan boring ini hendaklah dipenuhi oleh Pemborong dan dihantarkan kepada Pegawai Penguasa Projek. Pegawai yang menandatangani borang ini hendaklah menyimpan satu (1) salinan. Salinan kedua hendaklah disimpan oleh pemborong dan salinan ketiga disimpan oleh pembekal.

***SBBB SDN. BHD**
(DITUBUHKAN DI MALAYSIA)

ARAHAN HANTARAN
TEMPATAN (D.O.)

Tarikh:

*(Alamat Pembekal)

Tel :
P.O. Box :
Fax :
Telex :

- JUALAN KEPADA :

.....
.....
.....

- ARAHAN PENGHANTARAN :

.....
.....
.....

- Bil. Kontrak :

Bil. Pesanan Jualan :

No. Kad	Bil.	Butir Barang-barang	Jumlah Hantaran

b/p SBBB SDN. BHD.

TANDATANGAN PEMBAWA DAN
NAMA SYARIKAT

.....
Saya akui menerima dengan sempurna
Barang-barang di atas

.....
NAMA DAN I/C PEMBAWA

TANDATANGAN PENERIMA DAN
COP PERNIAGAAN

.....
*Sila ubahsuai mengikut nama/alamat pembekal.

No. Lori :

***SBBB SDN. BHD.**
((DITUBUHKAN DI MALAYSIA))

INVOIS JUALAN

*Alamat Pembekal

STOCK

 INVOIS ASAL
 Bilangan Invois

Tel. :

Peti Surat :

FAX :

Telex :

- JUALAN KEPADA

- TARIKH INVOIS

NO. AKAUN TUAN

- ALAMAT PENGHANTARAN :

- Syarat & Tarikh Pembayaran

TUNAI Mesti dijelaskan sebelum:

- Bil Kontrak :

- Bil. Pesanan Jualan :

- Syarat dan Tarikh

No. Kad	Bil.	Butir Barang-barang	Jumlah Hantaran	Harga Tiap- tiap Satu	Jumlah
			JUMLAH INVOIS RM		
			*b/p SBBB SDN. BHD.		

 E & O.E.

*Sila ubahsuai mengikut nama/alamat pembekal.

DEED OF ASSIGNMENT
(Security for direct payments to third party)

THIS DEED OF ASSIGNMENT is made the.....day of20.....between having its registered office at (hereinafter referred to as "the Assignor") of the one part and (hereinafter referred to as "the Assignee") of the other part.

WHEREAS -

1. The Assignor has been awarded by the Government of Malaysia (hereinafter referred to as "the Government") a contract numbered (hereinafter referred to as "the Contract") for the (hereinafter referred to as "the Works") for the sum of Ringgit (RM.....) (hereinafter referred to as "the Contract Sum").
2. The Assignor has caused work to be executed and/or is desirous of causing *work /supply to be executed and the Assignee has agreed to execute certain *work/supply namely (hereinafter referred to as *"the Subcontract Work"/ the Subcontract Supply) for the Assignor in the fulfillment of his obligations under the Contract.
3. The Assignor is desirous of assigning to the Assignee moneys due and payable to the Assignor under the Contract as payment for the *Sub-contract Work/ Subcontract Supply, up to a maximum value of Ringgit.....(RM.....) (hereinafter referred to as the "Assigned Sum").
4. The Government has through its authorized representative in a letter dated (attached herewith as Appendix A) given its approval for the assignment by the Assignor to the Assignee moneys due and payable to the Assignor under the Contract.

* Delete whichever is not applicable

NOW THIS DEED WITNESS as follows:

1. The terms of this Deed of Assignment shall be subject to the terms and conditions imposed by the Government or its authorized representative in granting its consent to this Assignment.
2. In consideration of the Assignee having executed and/or agreeing to execute the *Subcontract Work/Subcontract Supply, the Assignor hereby absolutely assigns to the Assignee moneys payable now or hereinafter due and payable to the Assignor under the Contract, not exceeding the Assigned Sum.
3. This assignment shall be irrevocable and shall remain in force for so long as moneys due and payable to the Assignor under the Contract shall remain unpaid by the Government.
4. For the purposes of this Assignment, moneys due and payable to the Assignor under the Contract shall be deemed to exclude moneys due and payable to nominated subcontractors and nominated suppliers who, in accordance with the terms and conditions of the Contract shall be paid direct by the Government to the nominated subcontractors and nominated suppliers.
5. The Assignee shall be paid the value of the *Subcontract Work/Subcontract Supply executed out of moneys due and payable to the Assignor under the Contract in interim payments and the final payment shall be made in accordance with the terms and conditions of the Contract.
6. The amount to be paid to the Assignee in each interim payment shall be ascertained based on claims certified by the Assignor or his authorized representative and submitted by the Assignee to the Superintending Officer named in the Contract or his authorized representative not later than 3 days before the date of interim valuation.
7. In the event of the money due and payable to the Assignor in an interim payment is insufficient to pay the amount due to the Assignee in respect of the *Subcontract Work/Subcontract Supply executed, the deficiency shall be paid to the Assignee in the next and subsequent interim payment(s).
8. If upon final payment under the Contract no money is received by the Assignee or the amount received by the Assignee is less than the total value of the *Subcontract Work/ Subcontract executed, the value of the *Subcontract Work/ Subcontract Supply that remain unpaid shall be a debt due from the Assignor to the Assignee.

* Delete whichever is not applicable

9. The Assignor shall do all things and acts necessary to ensure that the Government pays to the Assignee moneys otherwise due and payable to the Assignor under the Contract in respect of the *Subcontract Work/Subcontract Supply executed by the Assignee.
10. The Assignor shall notify the Government of the execution of this Deed of Assignment by lodging a stamped copy thereof with the Government or its authorised representative.
11. Any charge to this Deed of Assignment and the stamp duty thereof shall be borne by the Assignor.
12. This Deed of Assignment shall be binding upon the successors in title of the parties hereto and, if the party is an individual, upon his heirs, executors and personal representatives.

* Delete whichever is not applicable

LAMPIRAN 15H (samb.)

IN WITNESS WHEREOF the Parties hereto have hereunto set their hands and seals on the day and year first above written.

SIGNED by)
)
Name:)
)
Capacity :)
)
for and on behalf of) _____
) (Signature of Assignor)
)
_____)
(Seal or chop of Assignor)

in the presence of
Name :)
)
NRIC No.:) _____
) (Signature of Witness)
)
Address :)

SIGNED by)
)
Name :)
)
Capacity :)
)
for and on behalf of) _____
) (Signature of Assignee)
)
_____)
(Seal or chop of Assignee)
in the presence of

Name)
)
NRIC No.) _____
) (Signature of Witness)
)
Address :)

KERAJAAN MALAYSIA

**CONSENT BY GOVERNMENT FOR DIRECT PAYMENT TO THIRD PARTY
THROUGH DEED OF ASSIGNMENT**

Reference: Office of:

.....

.....

Date :

To: (Contractor)

.....

.....

.....

.....

CONTRACT NO.:

WORK

I refer to your application dated
..... seeking the consent of the Government to your proposal to assign
part of the Contract Sum by a Deed of Assignment to, the
Assignee.

2. Please be informed that the Government has consented to the said assignment
as contained in the Deed of Assignment, subject to the terms as follows:

- a. Any obligation imposed upon the Government by the Deed of Assignment
shall not in any way prejudice or affect the rights of the Government or the
powers of the Superintending Officer under the terms and conditions of
the Contract, including those relating to direct payments to nominated
subcontractors and nominated suppliers and deductions from any money
otherwise due to you under the Contract.

- b. Any payment made to the Assignee shall be deemed to be a payment as if the same is paid to you under the terms and conditions of the Contract and shall constitute a sufficient and valid discharge of the obligations of the Government under the Contract to the extent of such payment.
- c. No terms of payment including any term for the payment of interest for delayed payments which the Assignee may impose upon you shall be imposed upon the Government by the Deed of Assignment.
- d. You shall be liable and shall indemnify the Government against any damage, expense, liability, loss whatsoever suffered by the Government in the event of any claim or action taken by the Assignee arising from the assignment.

3. Kindly acknowledge receipt of this letter and confirm acceptance by the Assignee and yourself of the terms stipulated above by appending your signature and returning the same to me.

Yours faithfully,

.....
(Superintending Officer)

I/We acknowledge receipt of the above Consent of the Government and confirm my/our acceptance of the terms imposed.

.....
Signature of Assignor

.....
Signature of Assignee

Name :

Name :

Capacity :

Capacity :

for and on behalf of

for and on behalf of

.....
(Seal or chop of Assignor)

.....
(Seal or chop of Assignee)

CARTA ALIRAN KERJA BAGI BAYARAN KEMAJUAN

Nama Pejabat :

Nama Kerja :

.....

.....

.....

Kontrak No :Ketua Bahagian :

Bayaran Kemajuan NoJurutera Kerja :

Bil	Aliran Kerja (PWD.66)	Tarikh	t.t. pegawai yang ambil tindakan	Catatan
1.	Penilaian dibuat			
2.	Penilaian siap ditaip			
3.	Hantar kepada Jurutera Kerja			
4.	Tandatangan oleh Jurutera Kerja			
5.	Hantar kepada Ketua Bahagian			
6.	T.T. oleh Ketua Bahagian			
7.	Hantar kepada Ketua Bahagian			
8.	Tandatangan oleh Juruukur Bahan			
9.	Hantar kepada Pengarah			
10.	Diluluskan oleh Pengarah			
11.	Hantar kepada Kewangan			
12.	Penyediaan Voucher			
13.	Voucher dihantar kepada Pengarah			
14.	Voucher di t.t. oleh Pengarah			
15.	Voucher dikembalikan kepada Kewangan			
16.	Penyediaan Doket oleh Kewangan			
17.	Hantar kepada pihak Pembayaran			

N.B. Borang ini diawasi oleh :